

12 JUN 2018

Dua pemandu bas ekspres positif

UTUSAN MALAYSIA • SELASA 12 JUN 2018



ABDUL RAHMAN EMANG ANYIE (tengah) berkata sesuatu kepada pemandu ketika melakukan pemeriksaan bas pada Ops HRA 2018 di Terminal Bas Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT), Terengganu, semalam. - UTUSAN/FARID JANUDIN

270 pemandu pelbagai syarikat diperiksa

Dua pemandu bas ekspres positif dadah

Oleh **MASTURA JAMAL DIN**
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA TERENGGANU 11 JUN

DUA pemandu dikesan positif dadah oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) negeri dalam Ops Sisih 3/2018 selama seminggu yang disasarkan kepada pemandu serta pemilik bas ekspres sejak 1 Jun lalu.

Pengarahnya, Abdul Rahman Emang Anyie berkata, kes berkenaan merupakan antara lapan kesalahan yang dilakukan dalam kalangan 270 pemandu bas daripada tujuh syarikat sewaktu diperiksa sempena musim perayaan kali ini.

"Dua pemandu terbabit berumur 34 dan 35 tahun didapati mengambil dadah jenis methamphetamine melalui ujian air kencing yang dijalankan. Mereka tidak dibenarkan meneruskan pe-

manduan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Ops HRA 2018 (8-24 Jun) dan melakukan pemeriksaan bas di Hentian Bas Majlis Bandaraya Kuala Terengganu semalam bagi memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya terus ditingkatkan.

Menurut Abdul Rahman, pihaknya juga mengesan lima kes berkaitan cermin retak bas dan pemiliknya dinasihatkan segera menyelesaikannya bagi mengelakkan sebarang komplikasi pada masa depan di samping satu kes melibatkan penggunaan telefon bimbit ketika memandu.

Beliau memberitahu, dalam tempoh operasi tersebut JPJ akan melakukan rondaan selama 12 jam di sepanjang jajaran Lebuh Raya Pantai Timur 2 (Jabor-Gemuroh), jalan Persekutuan dan jalan-jalan utama negeri,

manakala rondaan selama 24 jam dilakukan pada dua hari sebelum dan selepas sambutan Aidilfitri.

"Rondaan itu sebagai iktiar menurunkan kadar 10 peratus kematian akibat kemalangan jalan raya di lebuhraya di samping menyasarkan sifar kemalangan serta kematian melibatkan bas," katanya.

Jelas beliau, larangan kenderaan berat juga akan dikuatkuasakan pada 13, 14 Jun dan 23, 24 Jun bertujuan mengelakkan risiko berlakunya kemalangan akibat percampuran trafik antara kenderaan berat dengan kenderaan ringan.

"Kenderaan berat yang membawa bahan galian dan muatan balak juga termasuk dalam kategori larangan penuh. Namun pengecualian diberikan kepada kenderaan berat tertentu yang membawa bekalan makanan," ujarnya.